

PERSEMBAHAN **HEBAT** DENGAN **Power Point**

Kini, tidak ada bidang kerjaya yang terkecuali daripada membuat persembahan. Pensyarah, doktor, pegawai komunikasi korporat, ahli perniagaan, pereka bentuk, jurutera, pelajar, dan sesiapa sahaja pasti tidak terlepas daripada membuat persembahan dengan PowerPoint. Tujuannya adalah bagi meningkatkan kredibiliti dan meluaskan pengaruh persekitaran.


Persembahan Hebat dengan PowerPoint (Edisi Kemas kini) membimbing kita bagi memantapkan persembahan di depan khalayak dengan fokus:

- Idea simpel, pembentangan menakjubkan
 - Formula praktikal bagi memukau audiens
 - Idea kecil, namun dengan hasil yang gempar
 - Seni mencipta pembentangan berkualiti

Syahrul Nizam Junaini, kepakaran beliau dalam seni komunikasi berpengaruh di Malaysia tidak dapat disangkal lagi. Beliau menghimpunkan semula komunikasi efektif, dikutip daripada pengalaman sepanjang menuntut dalam Ijazah Sarjana Komunikasi Media di University of Bradford, United Kingdom. Ditambah pula dengan posisi beliau sebagai pensyarah kanan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Ikuti buah fikiran beliau selanjutnya di www.SyahrulNizam.com



PERSEMBAHAN
HEBAT
DENGAN
**Power
Point**



- Tuan Mohd Zulfadli @ SmartZul, usahawan Internet



SYAHRUL NIZAM JUNAINI



PERSEMBAHAN
HEBAT
DENGAN
Power
Point

HEBAT
Power
Point



PTS PROFESSIONAL PUBLISHING SDN. BHD.
(678274-D)
No 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves, Selangor, Malaysia.
Tel: +603 6188 0316/+603 6189 0316
E-mel: ptsprofessional@pts.com.my

Laman web rasmi PTS: www.pts.com.my
Kedai buku online PTS: www.bookcafe.com.my
Facebook: www.facebook.com/bukupts
Twitter: www.twitter.com/bukupts

Hakcipta © Syahrul Nizam Junaini 2010
Cetakan Pertama 2010

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Syahrul Nizam Junaini

Persembahan hebat dengan power point / Syahrul Nizam Junaini
- Ed. kemaskini
ISBN 978-967-369-028-2
1. Microsoft PowerPoint for Windows. I. Computer graphics. II. Judul
006.6869

Penerbit berusaha sedaya upaya memastikan buku yang diterbitkan ini mengandungi maklumat yang tepat dan berautoriti daripada segi subjek yang dibincangkan. Penerbit dan penulis buku ini tidak boleh dianggap memberikan khidmat perundangan, perakaunan atau khidmat profesional yang lain kepada pembaca. Sekiranya nasihat atau bantuan pakar diperlukan, sila dapatkan nasihat dan khidmat profesional daripada pakar yang berkelayakan.

Buku-buku terbitan PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. boleh dibeli pada harga diskon istimewa bagi tujuan kegunaan pelajar, promosi Jualan, seminari dan latihan korporat. Maklumat lanjut, sila hubungi bahagian Jualan dan Khidmat Pelanggan, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Adobe Garamond Pro
Salz Taip Teks: 12 / 14

Dicetak oleh:
Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
Lot 18, Jalan 4/10B,
Spring Crest Industrial Park, Batu Caves,
68100 Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:
PTS Professional Publishing
Sdn. Bhd.
No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor.

Tel: 03 6188 0316
Faks: 03 6189 0316
Laman web: www.pts.com.my
E-mel: ptsprofessional@pts.com.my

Editor Kanan :
Aizat Abdul Razak
(aizat@pts.com.my)

Editor Perolehan
(Bisnes & Pengurusan) :
Mazni Al Irfan bin Jani
(irfan@pts.com.my)

Editor Pengurusan
(Bisnes & Pengurusan) :
Marliana Abu Bakar
(marliana@pts.com.my)

Editor:
Marliana Abu Bakar

Susun Atur:
Nurdianah Abdul Kader Matlim

Kulit dan grafik:
Mohd Fauzi Burhanudin
(fauzi@pts.com.my)

Diedarkan oleh:
PTS PUBLICATION &
DISTRIBUTORS SDN. BHD.
Tel: +603 6188 0316
Faks: +603 6189 0316
E-mel: sales@pts.com.my

Pengurus Pemasaran:
Nor Hazzizam Ab. Rahman
(norhazzizam@pts.com.my)

Pengurus Jualan:
Zaharin Mohamad Zain
(zaharin@pts.com.my)

Koordinator Jualan & Khidmat
Pelanggan:
Khalilah Mad
(khalilah@pts.com.my)

Kandungan

Prakata	vii
1》 Ciri-ciri Persembahan Hebat	I
2》 Kaedah, Persekutaran dan Khalayak	15
3》 Reka Bentuk Visual yang Berkesan	29
4》 Komunikasi Menggunakan Teks	43
5》 Panduan Reka Bentuk Multimedia	67
6》 Nada Suara dan Kemahiran Penyampaian	87
7》 Menambah Seri Pada Persembahan	107
8》 Mengurus Persembahan	127
9》 Persembahan Hebat Tanpa PowerPoint	149
10》 Penambahbaikan Berterusan	163
Rujukan	175

Prakata

66

Betapa lebat bunga remia

Lebat lagi bunga pegaga

Betapa hebat pakaian dunia

Hebat lagi pakaian syurga

(Sumber: Kurik Kundi Merah Saga)

99

Alhamdulillah, puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan banyak rahmat kepada hamba-Nya. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, ahli keluarganya, para sahabatnya, dan para pengikutnya hingga hari kiamat.

Segala perkara berlaku hanya dengan Kudrat Allah SWT. Terhasilnya buku ini hanya atas belas rahim dan rahmat-Nya semata-mata. Dia yang mencampakkan idea dan saya cuma sebagai jurutapinya sahaja. Alhamdulillah, akhirnya usaha kerdil ini dapat diterbitkan dan diulang cetak buat kali ketiga dalam edisi kemas kini.

Buku ini ditulis hasil himpunan pengalaman hampir 15 tahun saya menggunakan dan mengajar perisian persembahan. Bermula sebagai penuntur, sehingga sebagai pensyarah, pengalaman yang kita Insya-Allah cukup bagi dikongsi bersama pembaca sekalian. Atas rasa terpanggil bagi mengongsi kemahiran itu buku ini terhidang di hadapan pembaca. Selain itu penulis membuat penyelidikan, soal selidik dan pembacaan ilmiah bagi mengetahui hasil kajian terkini tentang reka bentuk persembahan yang terbaik.

Sejurus terbit pada 2007, buku ini terus mendapat tempat di hati pembaca apabila cetakan sulungnya laris di pasaran. Kemudian berkat doa dan sokongan pembaca sekalian, cetakan kedua buku ini telah ditempah sebanyak lebih 1 000 naskah oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Hajat penulis ingin melihat bukunya bertebaran ke seluruh pelosok negara dimakbulkan Allah SWT. Hampir semua kampung yang mempunyai perpustakaan desa pasti mempunyai buku ini sebagai koleksi pinjaman atau rujukan.

Di samping itu, sudah tentu mustahil buku ini dapat diterbitkan dalam edisi kemas kini tanpa sokongan pembaca yang budiman. Setinggi-tinggi penghargaan penulis ucapkan. Terima kasih juga kepada rakan-rakan penulis di *Facebook* yang memberikan maklum balas positif kepada edisi pertama buku ini di blog. Begitu juga di laman peminat di Facebook yang setakat ini berjumlah lebih kurang 1 000 orang. Selain itu, buku ini tidak akan diulang cetak buat kali ketiga tanpa iltizam dan komitmen staf PTS Professional yang memberikan bantuan bertaraf lima bintang kepada penulis.

Bagi edisi yang sedang dipegang pembaca ini, satu lagi bab tambahan iaitu bab 9 ditulis. Kini jumlah keseluruhan bab adalah sepuluh. Sekiranya tajuk buku ini berbunyi *Persembahan Hebat dengan PowerPoint*, tajuk bab tambahan ini pula agak berlawanan iaitu *Persembahan Hebat tanpa PowerPoint*. Sekiranya pembaca serius mengetahui mengapa bab ini begitu signifikan sehingga dijadikan bab tambahan, teruskan membaca.



Selain itu, bagi para pemimpin di segenap peringkat, ini adalah buku yang disarankan bagi dijadikan buku pegangan (*handbook*). Bagi mereka yang memegang jawatan seperti pengurus, buku ini bakal menambah kuasa dalam pembentangan. Bagi mereka yang bukan berada dalam kategori pengurus atau pentadbir, ia bakal membantu dalam mempengaruhi bos. Panduan demi panduan supaya pembentangan kita bertambah baik dan hebat diolah dengan kemas dalam buku ini supaya ia ringan dibaca.

Doa penulis supaya buku ini mampu mengangkasa persembahan kita daripada biasa-biasa sahaja kepada persembahan hebat. Syaratnya praktikkan tip yang disarankan pada setiap bab.

Akhir sekali terima kasih buat bonda yang dimuliakan Hajah Jobedah Seruji serta isteri tercinta Ummi Amar. Tidak lupa penghargaan ditujukan buat anak-anak tersayang, Nur A'isyah Nadheerah, Muhammad Amar Nazeer dan anak bongsu penulis, Nur Anisah Nabeehah yang juga baru 'terbit' pada 10 April 2010. Terima kasih kerana kesabaran, kasih sayang dan sokongan selama buku ini ditulis.

HJ. SYAHRUL NIZAM JUNAINI

Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, 2010.

www.syahrulnizam.com

teknikpowerpoint.blogspot.com

www.facebook.com/teknikpowerpoint



1

Ciri-ciri Persembahan Hebat

“

Sekadar tahu sahaja mengenai kecemerlangan tidak mencukupi. Kita perlu cuba mendapatkan dan menggunakaninya.

Aristotle

”

Para eksekutif pasti sering menjalankan urusan perniagaan di merata-rata tempat dengan menaiki kapal terbang. Semasa di dalam pesawat, kita sering melihat ada antara ahli-ahli perniagaan dan eksekutif yang sibuk menyediakan slaid persembahan.

Masa yang berlalu dengan pantas menuntut mereka memanfaatkan setiap detik yang terluang.

Dunia perniagaan hari ini semakin kompetitif. Ia menuntut semua pihak supaya saling bersaing. Bagi seorang eksekutif, kelainan yang ditonjolkan dalam persembahan mampu menarik perhatian

pelanggan. Ia juga dapat menggugat para pesaing dalam merebut pelanggan.

Para eksekutif perlu mencari kaedah yang terbaik bagi menghasilkan persembahan yang canggih dan berkualiti. Bab ini membincangkan mengenai ciri-ciri penyampai yang baik dan persembahan yang hebat.

Ciri Penyampai yang Baik

Penyampai yang baik perlu mengetahui dan menguasai kandungan persembahan. Beliau membaca dan membutirkan dengan teliti apa yang mahu disampaikannya. Beliau dapat menjelaskan dengan sempurna setiap fakta yang tertera di layar. Penyampai yang baik juga mampu mengingat fakta sokongan bagi apa yang hendak disampaikan.

Menguasai kandungan ataupun topik sahaja tidak mencukupi. Ramai jurujual yang tahu serba-serbi mengenai produk mereka tetapi masih gagal menjual produk itu. Begitu juga ramai profesor yang gah namanya di persada ilmu namun ada sahaja pelajar yang tertidur semasa kuliah beliau. Kenapa semua ini berlaku?

Bagi menjadi penyampai yang baik individu itu bukan sahaja perlu mendalami kandungan persembahan. Beliau juga perlu menguasai kemahiran persembahan. Kemahiran ini memperincikan kaedah maklumat dialirkkan dan perlu sampai tepat ke sasaran. Anak panah tepat mengenai sasaran apabila pemanahnya mempunyai kemahiran yang diperlukan.

Bagi penyampai yang baik, setiap kali membuat persembahan beliau sentiasa menggunakan teknik terbaru. Beliau sentiasa belajar dan mencari teknik yang lebih baik bagi mencantikkan lagi persembahan yang akan datang. Usaha membaiki kualiti persembahan adalah usaha berterusan.

Penyampai yang berkualiti adalah seperti pencerita yang pandai memikat pendengar. Beliau juga dihormati kerana ilmu yang ada padanya. Dua bentuk ilmu yang perlu ada:

1. Ilmu mengenai perkara yang disampaikan.
2. Ilmu dalam teknik bercerita.

Contohnya kasut, apabila digilap ia menyilaukan mata dan memancarkan serinya. Begitu juga dengan usaha belajar kemahiran persembahan. Hadiah bagi penat lelah usaha menggilap kemahiran membuat persembahan menyilaukan khalayak. Khalayak terpukau dengan persembahan mereka. Pujian menggunung diterima.

Menurut Lefton & Buzzotta (2003), menguasai kemahiran persembahan dapat meningkatkan proses pemindahan idea. Ia menentukan bagaimana satu pihak dapat menguasai pihak yang lain. Ia juga dapat memastikan proses komunikasi dua hala sentiasa berterusan.

Apabila menguasai kemahiran persembahan, eksekutif pemasaran dapat memasarkan produknya. Pensyarah pula dapat menyampaikan ilmu kepada para pelajar. Persamaan yang ada pada mereka adalah kedua-duanya menerima tepukan gemuruh daripada khalayak. Keuntungan dari segi kewangan mungkin lebih ketara pada eksekutif.

Buku ini membongkar khazanah dan rahsia kemahiran membuat persembahan. Kita akan dihidangkan dengan panduan, peraturan, kaedah dan teknik persembahan yang betul.

Menguasai Skil Berucap

Proses komunikasi maklumat daripada penyampai kepada khalayak melibatkan dua deria penting:

1. Pendengar mendengar bunyi yang keluar daripada mulut penyampai.
2. Penonton melihat hampir apa sahaja yang dapat diperhatikan pada wajah dan tubuh badan penyampai.

